



KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (26 JANUARI 2024) — Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah menjadi pemerhati Penilaian Berkala Sejangat (UPR) Malaysia ke-4 pada sesi ke-45 kumpulan kerja UPR di Geneva, Switzerland pada 25 Januari 2024. Pelbagai isu hak asasi manusia telah diketengahkan dan disyorkan kepada Malaysia.

Semasa sesi UPR dijalankan, negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengiktiraf dan menyambut baik reformasi undang-undang dan institusi yang dilaksanakan oleh kerajaan, termasuk peningkatan perlindungan hak untuk wanita, kanak-kanak dan kumpulan rentan lain termasuk pengukuhan pembaharuan perundangan melalui perlindungan undang-undang tambahan. Majoriti negara anggota PBB memuji usaha Malaysia memansuhkan hukuman mati mandatori, yang telah berkuat kuasa pada 4 Julai 2023. Selain itu, usaha kerajaan memperkasa SUHAKAM sebagai Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan dengan pengukuhan yang diperlukan untuk mempromosikan dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia turut dipuji.

Antara cadangan utama lain adalah termasuk memansuhkan sepenuhnya hukuman mati; meningkatkan umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun; meningkatkan hak, perlindungan, dan penambahbaikan kesejahteraan warga emas dan orang kurang upaya, memansuhkan hukuman rotan di sekolah; memerangi isu pemerdagangan manusia; membangunkan rangka kerja untuk melindungi pelarian, orang tanpa dokumen dan tanpa kewarganegaraan; mengukuhkan perlindungan sosial bagi kumpulan rentan terutama di kawasan luar bandar; memberikan kewarganegaraan kepada anak-anak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia; mengkaji semula baki perjanjian hak asasi manusia antarabangsa utama dan menarik balik reservasi kepada Konvensyen yang telah diratifikasi.

UPR ke-4 Malaysia yang dikendalikan oleh Argentina, Eritrea, dan Vietnam yang berperanan sebagai 'troika' telah menyaksikan semakan dan cadangan daripada 130 Negara Anggota PBB. SUHAKAM berpendapat bahawa peningkatan kadar penyertaan berbanding dengan 111 Negara Anggota PBB dalam UPR ke-3 Malaysia pada tahun 2018 menunjukkan bahawa tumpuan diberikan kepada situasi hak asasi manusia di Malaysia pada kali ini.

Di peringkat nasional, SUHAKAM telah mengadakan satu forum hibrid di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya diikuti dengan penstriman langsung sesi yang diadakan di Geneva. Forum yang dikendalikan oleh SUHAKAM ini menampilkan wakil dari Pusat KOMAS (KOMAS), Pergerakan Belia Islam Malaysia (ABIM), dan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia (OHCHR) Asia Tenggara. Objektif forum ini adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai proses UPR dan merupakan platform untuk membincangkan isu-isu hak asasi manusia yang semakin meruncing. SUHAKAM mengucapkan terima kasih kepada semua peserta atas penyertaan mereka dan pandangan yang diberikan semasa sesi tersebut dijalankan.



**KENYATAAN MEDIA
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

Sebagai pemerhati kepada 3 kitaran UPR Malaysia yang terdahulu, SUHAKAM mengakui akan impak positif proses penilaian ini. SUHAKAM menyeru Kerajaan untuk mengkaji secara positif kesemua cadangan yang diterima dan memenuhi komitmennya untuk mencapai objektif UPR melalui pendekatan yang menyeluruh kepada masyarakat. SUHAKAM menantikan penerimgunaan laporan hasil pada 31 Januari 2024, yang akan menjadi halatuju Malaysia untuk terus memajukan hak asasi manusia dan mempromosikan keterangkuman.

-TAMAT-

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
26 Januari 2024**